

PENGARUH PEMIKIRAN AL-NAWAWI DALAM METODOLOGI PENDIDIKAN DAN PENDAKWAHAN TERHADAP GURU-GURU TAKMIR DI NEGERI JOHOR

Kamarul Azmi Jasmi¹
Mohd Ismail Mustari¹
Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom²

¹Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

²Sek. Men. Keb. Kangkar Pulai, Bandar Baru Kangkar Pulai, 81110 Skudai Johor

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Mustari, M. I., & Md Saleh @ Masrom, S. F. (2004). *Pengaruh Pemikiran al-Nawawi dalam Metodologi Pendidikan dan Pendakwahan Terhadap Guru-guru Takmir di Negeri Johor* in Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004 at Asiania Resort, Langkawi, on 25-27 September 2004, pp 1-9. ISBN 983-29-750-50.

ABSTRAK

Al-Imam al-Nawawi merupakan seorang pendidik dan pendakwah yang terkenal dalam dunia Islam. Banyak karya beliau masih digunakan secara aggresif hingga sekarang dalam proses pendakwahan dan pendidikan masyarakat Islam khususnya di negeri Johor. Kesan daripada itu, banyak pemikiran tokoh tersebut mempengaruhi guruguru takmir di negeri Johor terutamanya dari aspek metodologi dakwah dan pendidikan masyarakat. Ini terbukti dalam kajian lapan pemikiran al-Nawawi pada 2003. Semua pemikiran beliau diterima dan dipersetujui oleh guru-guru takmir bahkan diterima sebagai satu pendekatan dan metodologi umum pendakwahan dan pendidikan mereka.

REFERENCES

- Abdullah Basmeih (1982). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Ratib Hamus, (1983). *Kunuz al-Babithin*. Bairut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Al-Bukhari (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Jil. 1-8.
- Abdullah: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Munziri, Al-Imam Al-Hafiz Abd Al-Azim b. Abd Al-Qawi, (1990). *Al-Targhib wa al-Tarhib mm al-Hadith al-Sharif*. Bairut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Jilid 1-2.
- Al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Tarmidzi (1094). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hanafi Mohamed, (1996). *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Ibnu Majah (t.t.). *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kamarul Azmi Jasmi, Azmi Shah Suratman, Aminuddin Ruskam, Ahmad Kilani Mohamed & Zulkefli Harun (2003). *Pengaruh Pemikiran al-Imam al-Nawawi Di Kalangan Guru-guru Takmir Di Negeri Johor*. Johor Bahru: UTM.
- Penyelidikan Vote 71873
- Kamarul Azmi Jasmi (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, (1981). *Usui al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalahuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Nor Al-Din Atar, (1997). *Manhaj al-Naqdfi 'Ulum al-Hadith*. Bairut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Wan Hussain Azmi, (1989). *Metodologi Dakwah Dalam Dunia Moden*. Dakwah, Bulan Jun.

PENGARUH PEMIKIRAN AL-NAWAWI DALAM METODOLOGI PENDIDIKAN DAN PENDAKWAHAN TERHADAP GURU TAKMIR DI NEGERI JOHOR.*

Kamarul Azmi Jasmi

Mohd Ismail Mustari

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia

Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom

Sek. Men. Keb. Kangkar Pulai, Bandar Baru Kangkar Pulai, 81110 Skudai Johor.

Abstrak

Al-Imam al-Nawawi merupakan seorang tokoh pendidik dan pendakwah yang terkenal dalam dunia Islam. Banyak karya beliau masih digunakan secara aggresif hingga sekarang dalam proses pendakwahan dan pendidikan masyarakat Islam khususnya di negeri Johor. Kesan daripada itu, banyak pemikiran tokoh tersebut mempengaruhi guru-guru takmir di negeri Johor terutamanya dari aspek metodologi dakwah dan pendidikan masyarakat. Ini terbukti dalam kajian lapan pemikiran al-Nawawi pada 2003. Semua pemikiran beliau diterima dan dipersetujui oleh guru-guru takmir bahkan diterima sebagai satu pendekatan dan metodologi umum pendakwahan dan pendidikan mereka.

1.0 PENGENALAN

Al-Imam Al-Nawawi (1234-1277M) merupakan tokoh yang disegani oleh umat Islam dahulu dan sekarang. Kajian yang dijalankan baru-baru ini membuktikan bahawa beliau sememangnya tokoh yang dihormati dan dikagumi (Kamarul Azmi *et al*, 2003). Beliau juga merupakan tokoh ikutan ramai kerana usahanya yang bersungguh-sungguh untuk mengamalkan kehidupan sebenar Nabi Muhammad iaitu mujahadah, warak, muraqabah dan zuhud. Jangka hayatnya selama 45 tahun dihabiskan untuk memberi khidmat kepada pembangunan Islam dalam bentuk memberi pengajaran dan menghasilkan puluhan karya-karya yang bermutu sehingga tidak sempat untuk mengutamakan keperluan dirinya sendiri seperti berkahwin. Antara karya beliau yang terkenal di kalangan ulama Islam ialah al-Majmu^c, al-Minhaj Syarh Sahih Muslim, al-Hadith al-Arbaiⁱⁿ, Raudah al-Tolibin fi al-Fiqh, al-Azkar, Riyad al-Solihin dan lain-lain (Kamarul Azmi, 2002).

Beliau merupakan tokoh guru dalam bidang pendidikan dan merupakan tokoh pendakwah dalam bidang dakwah sehingga karya-karya beliau banyak memberi sumbangan dalam pendidikan dan pendakwahan umat manusia kepada Allah S.W.T. Yang Maha Esa dan agama-Nya.

2.0 PEMIKIRAN AL-NAWAWI DALAM PENDIDIKAN DAN PENDAKWAHAN

Antara pengaruh pemikiran pendidikan dan pendakwahan beliau terdiri daripada lapan aspek utama sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini.

* Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004 di Asiania Resort, Langkawi, pada 25-27 Sep. 2004 anjuran Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM).

2.1 Kurikulum yang lengkap dan metodologi yang baik dalam Asas Kejayaan Pendidikan dan Pendakwahan

Menurut paradigma al-Nawawi, kurikulum pembangunan rohani insan mestilah lengkap dalam rangka proses pendidikan dan pendakwahan. Beliau sendiri mengutarakan keperluan yang sempurna terhadap kurikulum pembangunan insan. Dalam karangan pendidikan beliau kitab Riyadh al-Solihin, terdapat 104 sifat-sifat yang perlu ditanamkan dalam pembangunan kerohanian insan selain perlu memberi perhatian terhadap 104 aspek batasan agama yang boleh memelihara kesolehan seseorang serta terjauh daripada terjerumus kepada dosa-dosa besar (Kamarul Azmi, 2002). Isi didikan pembangunan sempurna yang diasaskan oleh pendidik ini mampu membentuk seorang manusia menjadi insan yang soleh.

Selain daripada itu, metodologi pendakwahan yang baik juga mengambil peranan utama dalam kejayaan pendidikan insan dan pendakwahan. Kejayaan didikan dan pendakwahan Rasulullah s.a.w. dalam membentuk peribadi sahabat-sahabatnya berkait rapat dengan metodologi pendidikan dan pendakwahan yang sesuai dan tepat. Justeru, al-Nawawi memilih bermacam-macam metodologi dalam karangan pendidikan beliau dalam rangka pendidikan dan pendakwahan pembangunan insan (Kamarul Azmi, *et al*, 2003).

2.2 Penggunaan al-Quran dan al-Hadis sebagai asas dalam kurikulum

Al-Imam Al-Nawawi menunjukkan kecenderungan untuk menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan hadith tanpa diulas dengan panjang lebar dalam kebanyakan karangan beliau. Kemungkinan beliau merasakan kedua-dua sumber ini sudah memadai sebagai kurikulum pembangunan insan tanpa perlu diperbahaskan lagi dengan penggunaan akal fikiran (Kamarul Azmi *et al*, 2003).

2.3 Hadis yang tidak terlalu daif boleh digunakan untuk motivasi

Al-Imam al-Nawawi bersetuju bahawa penggunaan hadis-hadis yang tidak terlalu daif boleh digunakan dalam motivasi dan nasihat agama. Justeru, beliau ada menggunakan hadis-hadis yang tidak terlalu daif sebagai contoh menurut pentahkik kitab beliau iaitu iaitu Ahmad Ratib Hamus (1983) ada menyenaraikan sebanyak 17 da'if petikan hadith tergolong dalam Riyadh al-Solihin.

Penggunaan hadis da'if dalam motivasi beribadat dan nasihat ada dibahaskan oleh ulama-ulama hadis dalam tiga pandangan iaitu (Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, 1981: 351),

- (1) Tidak boleh diamalkan secara mutlak. Pendapat ini dipilih oleh Ibn Al-'Arabi, Imam Bukhari dan Imam Muslim, dan juga Ibn Hazam.
- (2) Boleh diamalkan secara mutlak. Pendapat ini dipegang oleh Imam Abu Dawud dan Imam Ahmad dengan alasan bahawa Hadith da'if lebih baik daripada pemikiran perseorangan.
- (3) Boleh digunakan dalam masalah kelebihan-kelebihan amal dan nasihat-nasihat atau yang sejenisnya apabila memenuhi beberapa syarat iaitu,
 - (a) Tidak terlalu da'if sehingga tidak tercakup di dalamnya seorang pendusta atau yang ter tuduh berdusta juga orang yang tidak sering melakukan kesalahan. Al-'Auza'i meriwayatkan ulama bersepakat dengan syarat ini.
 - (b) Hadith da'if tersebut bukanlah perkara-perkara pokok yang biasanya diamalkan.

(c) Pengamalnya tidak menyakini bahawa ia berstatus kuat, tetapi hanya sekadar berhati-hati.

Pendapat ketiga adalah lebih digemari oleh kebanyakan jumhur ulama Hadith dan Fiqh, bahkan disepakati oleh ulama yang termasuk Al-Imam Al-Nawawi sendiri dan Ibnu Hajar Al-Haithami sebagaimana yang dinyatakan oleh Nor al-Din Atar dalam bukunya *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith* (1997: 293). Justeru, ke da'ifan hadis seperti di dalam Kitab Riyad al-Solihin boleh diamalkan dan memenuhi syarat di atas kerana kebanyakkan perawi hadith tidak sampai ke tahap terkenal sebagai seorang pendusta, hanya tidak diketahui sahaja kedudukannya. Tambahan pula, kebanyakan tema-tema hadith dianggap da'if yang dibawakan oleh Al-Imam Al-Nawawi ini berkisar kepada kelebihan amal dan nasihat (Kamarul Azmi, 2002).

2.4 Penekanan teknik motivasi dalam rangka usaha pembangunan rohani

Al-Imam al-Nawawi (1983) memberi penekanan terhadap penggunaan teknik motivasi atau motivasi dalam meningkatkan setiap pembangunan kerohanian insan. Penggunaan motivasi dan motivasi dengan hadis-hadis motivasi sangat diutamakan lebih-lebih lagi insan yang baru berjinak-jinak dengan amalan, ibadat dan akhlak Islam. Apabila telah sebatи amalan, sikap dan tindakan individu insan selari dengan ajaran Islam baru *tumpuan pencapaian* amalan, sikap dan tindakan ditujukan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah S.W.T. (Kamarul Azmi, 2002).

2.5 Teknik Motivasi Melebih Kecaman

Menurut Paradigma al-Nawawi adalah perlu meletakkan keutamaan kepada metodologi motivasi berbanding daripada kecaman dalam metodologi penyampaian pendidikan dengan nisbah 6:4 (Kamarul Azmi b. Jasmi, 2002: 82). Prinsip ini selari dengan prinsip sunnah Rasulullah s.a.w dalam sabdanya (al-Bukhari, 1994: 30/1),

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ... وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا

Maksud: "Apabila baginda mengutuskan seseorang daripada sahabat-sahabatnya untuk melaksanakan sesuatu suruhannya, baginda bersabda, Sampaikanlah khabar gembira dan jangan menakut-nakutkan..."

(Al-Bukhari)

Selain itu, tujuan penyampaian adalah untuk membangunkan pembangunan Insan sejajar dengan ajaran Islam kepada semua golongan masyarakat. Justeru, sewajamnya pendidik memperbanyakkan metodologi motivasi berbanding kecaman, kerana penggunaan motivasi *dapat* menimbulkan kegembiraan beramal dan rasa harap sebaliknya kecaman pula menimbulkan rasa takut untuk melakukan kejahatan. Metodologi motivasi memadai kepada manusia secara umum. Tetapi untuk manusia yang banyak berdalih dan berdegil hanya metodologi kecaman sahaja yang boleh memberi kesan kepada mereka. Ini adalah kerana, mereka akan rasa tidak selamat dari azab Allah S.W.T jika tetap berdegil dan banyak berdalih (Wan Hussain Azmi, 1989: 33).

2.6 Teknik Suruhan Melebihi Tegahan

Penggunaan metodologi yang berbentuk suruhan dalam melakukan sesuatu seperti hadith yang berbunyi *buatlah begini dan begitu* telah menjadi keutamaan kepada al-Nawawi berbanding yang berbentuk tegahan daripada melakukan sesuatu seperti *jangan buat begini dan begitu*. Pada amnya sikap manusia lebih suka diberikan tunjuk ajar terhadap sesuatu perkara berbanding menyalahkan apa yang mereka lakukan dalam perkara tersebut.

Menurut paradigma al-Nawawi bahawa adalah perlu untuk menggunakan arahan berbentuk suruhan berbanding tegahan dengan nisbah sekitar 7:3. Sekalipun metodologi suruhan merupakan yang disukai berbanding bentuk arahan larangan. Namun, arahan bentuk larangan perlu bagi memastikan keterangan bentuk batasan yang dilarang itu jelas arahannya (Kamarul Azmi, 2002).

2.7 Pemilihan kata yang mudah dan jelas dalam Pengajaran dan Pembelajaran dan Pendakwahan

Metodologi lain Al-Imam Al-Nawawi ialah dalam pendidikan dan pendakwahan ialah penggunaan kata-kata yang jelas maksudnya (Al-Nawawi, 1983: 55). Kecenderungan beliau terserlah melalui pemilihan kata-kata yang jelas bahasanya samada daripada pengungkapan hukum mahupun pemilihan hadis-hadis. Beliau sendiri berpandangan bahawa adalah makruh menyusun kata dengan susunan yang rumit ketika bercakap dengan orang awam dan orang yang setara dengan mereka (Al-Nawawi, 1983: 672).

Pemilihan kata-kata yang jelas dan terang memberikan kefahaman yang mendalam kepada semua golongan masyarakat. Tujuan pendidikan dan pendakwahan adalah untuk membangunkan semua peringkat golongan manusia menurut pembangunan pendidikan Islam. Oleh itu, dengan cara memilih jalan yang mudah diikuti akan menambahkan keberkesanan pengajaran beliau. Ini berasaskan kepada setiap manusia mempunyai beberapa perbezaan tingkat akal dan kemampuan fizikalnya. Justeru, segala bentuk pendidikan, pengajaran, bimbingan, nasihat dan sebagainya hendaklah disampaikan dengan mudah dan tidak menyulitkan (Hanafi Mohamed, 1996). Allah S.W.T sendiri telah memilih metodologi Al-Quran yang dipermudahkan dari segi bahasa, uslub dan lain-lain agar manusia dari pelbagai peringkat dapat mengambil pengajaran daripadanya. Sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Qamar ayat 32:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْءَانَ لِلَّذِكْرِ فَهَلْ مِنْ مُذَكَّرٍ

Maksud: "Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?"

(Surah al-Qamar, 54:32)

Begitu juga Rasulullah s.a.w telah mengambil metod memudahkan umatnya dengan perintah di dalam hadith di bawah ini (al-Bukhari, 1994: 22/1, Muslim, 2001: 602/3, Ibnu Majah, U.: 318/2),

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا

Maksud: "Ketika Rasulullah s.a.w memerintahkan seorang Sahabat untuk melaksanakan salah satu perintahnya, Baginda bersabda, ...permudahkanlah dan jangan memayahkan."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Justeru, pendangan al-Nawawi tentang kepentingan penggunaan bahasa yang mudah merupakan satu pemikiran yang baik ke arah keberkesanan pendidikan dan pendakwahan.

2.7 Hubungan dengan Tuhan Asas Pembangunan Keseluruhan

Menurut paradigma al-Imam al-Nawawi bahawa kepentingan hubungan akhlak kepada Tuhan sememangnya tidak boleh dinafikan sebagai asas kepada pembangunan insan yang menyeluruh termasuk pembentukan tindakan material dan jasmani (al-Nawawi, 1983: 311). Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang menyebut (al-Bukhari, 1994 dan Muslim 206/3),

اَلَا وَإِنْ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ اَلَا
وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksud: "Ingatlah! Sesungguhnya didalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuhnya dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya, tidak lain dan tidak bukan itulah yang dikatakan hati"

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadith di atas menegaskan bahawa pembangunan akhlak dengan Tuhan melalui keimanan yang penuh kepada Allah S.W.T menjadi asas kepada pembentukan akhlak luaran dan segala pembangunan yang lain (Al-Nawawi, 1983: 199). Hal ini dibuktikan lagi dengan sabda Rasulullah s.a.w yang menyebut (al-Bukhari, 1994: 104/7 dan Muslim, 2001: 43/1),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيَصِلْ رَحِمَهُ وَمَنْ كَانَ
يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لَيَصُمْ

Maksud: "Daripada Abu Hurairah r.a. daripada nabi s.a.w katanya, sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, sudah pasti dia akan memuliakan tetamunya dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, sudah pasti dia akan menghubungkan silatulrahim, dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari akhirat, sudah pasti dia akan berkata yang baik atau dia hanya diam."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini menunjukkan bahawa keimanan kepada Allah S.W.T sebagai asas untuk membentuk peribadi seseorang yang memungkinkannya melakukan kebaikan kepada sesama manusia. Kebaikan yang datang daripada peribadi dan tindakan yang betul memberikan implikasi yang baik juga kepada aspek pengurusan yang lain seperti pengurusan material, organisasi dan lain-lainnya.

3.0 KAJIAN LAPAN PENGARUH PEMIKIRAN AL-NAWAWI DI KALANGAN GURU TAKMIR DI TIGA DAERAH DI NEGERI JOHOR

Sebanyak 209 set borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru takmir yang berdaftar di tiga daerah iaitu Daerah Johor Bahru, Daerah Kluang dan Daerah Batu Pahat. Hanya 179 set borang soal selidik yang dijawab dengan sempurna oleh responden kajian. Bakinya sebanyak 24 set borang soal selidik tidak dijawab langsung dan juga tidak lengkap dijawab. Daripada jumlah 179 responden, sebanyak 41 daripada 43 responden datang daripada daerah Johor Bahru. Manakala daerah Batu Pahat jumlah responden ialah 99 daripada 125 dan Kluang pula berjumlah 39 daripada 41 responden (Jadual 1).

Hasil kajian keseluruhan pemikiran al-Nawawi di kalangan guru takmir di negeri Johor dapat dilihat dalam Jadual 1 dan boleh disimpulkan seperti berikut:

- (1) Daripada lapan item yang diutarakan oleh penyelidik, item yang tertinggi yang disokong oleh responden ialah item lapan. Item ini merupakan item yang bertanya: "*Hubungan dengan Tuhan perlu diutamakan dan menjadi asas kepada lain-lain pembangunan kerohanian dan material.*" Item ini dipersetujui oleh sebanyak 96.6% (173) daripada 179 responden.
- (2) Item kedua tertinggi yang dipersetujui oleh responden ialah Item 7 iaitu: "*Menggunakan bahasa yang mudah dan jelas adalah faktor yang penting kepada kejayaan Pendidikan dan pendakwahan.*" Responden yang bersetuju dengan item ini sebanyak 96.1% (172), kurang seorang daripada item yang sebelumnya.
- (3) *Isi yang lengkap dan metodologi penyampaian yang baik merupakan faktor utama kepada kejayaan pendakwahan* " dalam item satu merupakan item ketiga tertinggi yang dipilih oleh responden yang berjumlah 95.5% (171).
- (4) Salah satu metodologi yang baik dalam pendakwahan ialah dengan memberi penekanan terhadap penggunaan hadith-hadith motivasi beramal kepada audien. Perkara ini banyak digunakan oleh Al-Imam Al-Nawawi pendidikan dan pendakwahannya. Didapati sebanyak 93.3% responden bersetuju dengan pemikiran ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Item empat.
- (5) Satu fakta lain pula didapati dalam kajian pemikiran Al-Imam Al-Nawawi (Kamarul Azmi, 2002), beliau berkecenderungan menggunakan motivasi berbanding dengan penggunaan kecaman dengan nisbah 6 : 4. Hasil penyelidikan ini juga mendapati kebanyakan responden bersetuju dengan pemikiran ini. Persetujuan responden berjumlah 81.6% (146) berbanding yang tidak bersetuju hanya dua responden dan yang tidak pasti sebanyak 31 responden (item lima).
- (6) Kepentingan penggunaan motivasi dalam pendakwahan ditunjukkan lagi dalam pemikiran al-Nawawi dengan sikap beliau menyokong penggunaan hadith yang tidak terlalu daif dibolehkan untuk tujuan motivasi. Bahkan pemikiran ini disokong pula oleh Ibnu Hajar (Nor al-Din Atar, 1997: 293). Justeru, didapati Al-Imam Al-Nawawi sendiri

ada memilih sebanyak 17 hadith yang dianggap daif oleh sesetengah ulama untuk dimuatkan dalam karya Kitab Riyad al-Solihin yang mempunyai 1896 hadith yang kebanyakannya adalah sahih (1624) dan sebahagian kecil pula dalam kedudukan Hadith Hasan Sahih (109) dan Hadith Hasan (146) (Kamarul Azmi, 2002: 69). Pemikiran beliau yang membolehkan penggunaan hadith yang tidak terlalu daif untuk tujuan motivasi ini nampaknya dipersejui oleh sebanyak 80.4% responden (item tiga). Hanya 10.1% sahaja yang tidak bersetuju dengan item ini.

Jadual 1 Taburan skor mengenai pengaruh pemikiran al-imam al-nawawi yang mempengaruhi guru-guru takmir dalam metodologi pendidikan dan pendakwahan

No.	Item		STS	TS	TP	S	SS	Min
(1)	Isi yang lengkap dan metodologi penyampaian yang baik merupakan faktor utama kepada kejayaan pendakwahan.	Bil	-	1	7	118	53	4.25
		%	-	0.6	3.9	65.9	29.6	
(2)	1 Penggunaan Al-Quran dan al-Hadith al-Sahihah sudah memadai sebagai pegangan kerohanian tanpa memerlukan penggunaan akal dan ulasan yang panjang.	Bil	1	52	40	49	37	3.39
		%	0.6	29.0	22.3	27.4	20.7	
(3)	Penggunaan hadith yang tidak terlalu daif dibenarkan untuk tujuan motivasi beramal dan pembentukan akhlak yang baik.	Bil	-	18	17	129	15	3.79
		%	-	10.1	9.5	72.0	8.4	
(4)	Menggunakan hadith-hadith motivasi sangat ditekankan dalam pembangunan kerohanian insan.	Bil	-	2	10	134	33	4.11
		%	-	1.1	5.6	74.9	18.4	
(5)	Menggalakkan penggunaan Motivasi (motivasi) berbanding Kecaman (kecaman) dalam ucapan, dakwah dan lain-lain dengan nisbah 6:4.	Bil	-	2	31	126	20	3.92
		%	-	1.1	17.3	70.4	11.2	
(6)	Menggalakkan penggunaan suruhan berbentuk positif berbanding suruhan berbentuk negatif dalam ucapan, dakwah dan lain-lain dengan nisbah 7:3.	Bil	-	4	45	93	37	3.91
		%	-	2.2	25.1	52.0	20.7	
(7)	Menggunakan bahasa yang mudah dan jelas adalah faktor yang penting kepada kejayaan pengajaran dan pendakwahan.	Bil	-	-	7	91	81	4.41
		%	-	-	3.9	50.8	45.3	
(8)	Hubungan dengan Tuhan perlu diutamakan dan menjadi asas kepada lain-lain pembangunan kerohanian dan material.	Bil	-	-	6	78	95	4.50
		%	-	-	3.4	43.5	53.1	
Min Keseluruhan								4.04

(N = 179 (Kamarul Azmi *et al*, 2003: 62)

- (7) Satu kaedah pendakwahan yang baik pada pemikiran Al-Imam Al-Nawawi ialah dengan penggunaan suruhan berbentuk positif berbanding penggunaan suruhan yang berbentuk negatif dalam ucapan, dakwah dan lain-lain dengan nisbah 7 : 3 . Suruhan berbentuk positif bermaksud pendakwah mengarahkan dan menunjukkan apa yang perlu dilakukan seperti arahan: "Buatlah begini-begini". Manakala suruhan berbentuk negatif pula bermaksud pendakwah mengarahkan audiennya meninggalkan apa yang dilarang dalam agama. Sebagai contoh arahan suruhan berbentuk negatif; "Janganlah buat begini-begini" (Kamarul Azmi, 2002).
- (8) Al-Imam Al-Nawawi menunjukkan kecenderungan untuk tidak mengulas ayat-ayat Al-Quran dan hadith yang dibawakan oleh beliau dengan panjang lebar. Kemungkinan beliau merasakan kedua-dua sumber ini sudah memadai sebagai kurikulum pembangunan insan tanpa perlu diperbahaskan lagi dengan panjang lebar dengan penggunaan akal fikiran. Kecenderungan ini nampaknya tidak disokong oleh

kebanyakan responden hanya 48.1 % (86) responden sahaja yang menyokong penulisan berbentuk sebegini. Manakala bakinya 26.9% (48) responden tidak bersetuju dan selebihnya pula 45 responden tidak pasti dengan item yang dikemukakan.

Sebagai satu kesimpulan, kebanyakan pemikiran al-Nawawi sememangnya mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan guru-guru takmir di negeri Johor dan diterima dengan baik. Min keseluruhan pemikiran al-Nawawi yang mencapai 4.04 sudah cukup menggambarkan segala pemikiran beliau diterima positif sebagai lambang pengaruhnya yang kuat dalam masyarakat Islam.

4.0 PENUTUP

Al-Imam al-Nawawi merupakan tokoh yang berpengaruh di kalangan umat Islam. Banyak pemikiran beliau yang diterjemahkan dalam puluhan karya yang hebat-hebat telah mempengaruhi pemikiran golongan ilmuan selepas beliau. Kajian terhadap lapan pemikiran yang berpengaruh beliau sudah menggambarkan kedudukan beliau selaku ulamat yang sentiada dicontoh dalam pendidikan dan pendakwahan.

5.0 RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1982). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri. Ahmad Ratib Hamus, (1983). *Kunuz al-Bahithin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir. Al-Bukhari (1994). *Sahib Al-Bukhari*. Beirut: Jil. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Munziri, Al-Imam Al-Hafiz Abd Al-Azim b. Abd Al-Qawi, (1990). *Al-Targhib wa al-Tarhib mm al-Hadith al-Sharif*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah. Jilid 1-2. Al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir. Al-Tarmidzi (1094). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hanafi Mohamed, (1996). *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi. Ibnu Majah (t.t.). *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kamarul Azmi B. Jasmi, Azmi Shah Suratman, Prof. Madya Aminuddin Ruskam, Ahmad Kilani b. Mohamed & Zulkefli b. Harun (2003). *Pengaruh Pemikiran al-Imam al-Nawawi Di Kalangan Guru-guru Takmir Di Negeri Johor*. Johor Bahru: UTM. Penyelidikan Vote 71873
- Kamarul Azmi Jasmi (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, (1981). *Usui al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalahuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Aṣriyyah. Nor Al-Din Atar, (1997). *Manhaj al-Naqdī 'Ulum al-Hadith*. Bairut: Dar al-Fikr al-Ma'asir. Wan Hussain Azmi, (1989). *Metodologi Dakwah Dalam Dunia Modern*. Dakwah, Bulan Jun.

